

# **ISU-ISU PENDIDIKAN SEMASA 2021**

# **ISU-ISU PENDIDIKAN SEMASA 2021**

PENYUNTING:

Mohd Izzuddin Mohd Pisol  
Julia Madzalan  
Salihin Hafizi Mohd Fauzi  
Annasaii Jamar  
Muhammad Syakir Sulaiman

**PENERBIT FAKULTI PENDIDIKAN**

**Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
2021**

---

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2021

Hak Cipta/*Copyright* Fakulti Pendidikan (FP), KUIS, 2021

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Fakulti Pendidikan terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit FP.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

PENERBIT FAKULTI PENDIDIKAN (FP)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Bandar  
Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan  
<http://www.kuis.edu.my/fp/>

03-8911700 ext: 2234/1310

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan /  
*Cataloguing-in-Publication Data*

Judul.eISBN

---

## SEULAS BICARA

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, segala puji bagi Allah SWT yang telah memberi sebaik-baik nikmat berupa iman dan Islam. Selawat dan salam diucapkan selalu kepada Nabi agung Muhammad SAW beserta keluarga dan para sahabat baginda semuanya. Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dengan penerbitan e-buku ini, sama ada sebagai penerbit, penyunting, editor dan penyumbang artikel. Ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk saya menukilkan sepatah dua kata dalam buku ini bagi mewakili pihak pengurusan fakulti. Pemahaman dan penghayatan sebenar nilai-nilai Islam dalam aspek pendidikan diyakini mampu untuk menangani isu-isu kontemporari yang timbul dalam menterjemahkan maksud sebenar pendidikan dalam Islam. Antara solusi yang terpenting bagi mengatasi isu-isu tersebut adalah pengintegrasian pelbagai disiplin ilmu semasa dengan ilmu-ilmu turath yang berteraskan kepada kefahaman yang jelas terhadap al-Quran dan al-Sunnah. Kepelbagaian teknologi baharu yang mencorakkan landskap kehidupan moden perlu dikuasai di samping asas-asas penting aqidah, fiqh, dakwah, akhlak, bahasa Arab dan sebagainya. Saidina Ali RA berpesan

*“Didiklah (persiapkanlah) anak-anakmu atas hal yang berbeza dengan keadaanmu (sekarang) kerana mereka adalah manusia yang hidup untuk satu zaman yang bukan zamanmu (sekarang).”*

Biarlah ilmu yang kita miliki selaras dengan keperluan zaman bagi memastikan kelangsungan dan kerelevanan ilmu. Semoga penerbitan e-buku ini akan memberi impak yang besar dalam memberi nilai tambah kepada khazanah penyelidikan negara berteraskan pengajian pendidikan. E-buku ini juga diharap agar mampu memberi pendedahan kepada para pembaca untuk memaknai penyelidikan yang telah dilaksanakan sesuai dengan teori dan kemahiran yang dipelajari serta inovasi yang dihasilkan.

Sekian, selamat membaca.

JULIA MADZALAN  
Pengarah 5th ISoT 2021,  
Fakulti Pendidikan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

## **KATA ALU-ALUAN**

Segala pujian dan syukur dipohonkan ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda SAW dan para Sahabatnya. Saya sangat berbesar hati di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menukilkan sepetah dua kata dalam buku ini mewakili pihak pengurusan Fakulti Pendidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pengarah program dan ahli jawatankuasa penganjur *5th International Seminar On Tarbiyah (ISoT 2021)* yang terlibat kerana bersungguh-sungguh dengan iltizam yang tinggi mendokong visi dan misi Fakulti Pendidikan dan KUIS dalam meneruskan jihad pendidikan.

Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kerana berjaya menerbitkan buku digital (e-book) yang bertajuk “Isu-Isu Pendidikan” bersempena dengan penganjuran ISoT 2021 oleh Fakulti Pendidikan, KUIS. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung berkaitan penerbitan buku digital ini iaitu sebagai penerbit, penyunting, editor dan para penyumbang artikel. Di dalam buku ini secara keseluruhannya terdapat pelbagai isu pendidikan yang dikupas dan dibincangkan khususnya berkaitan dengan sejarah dan perkembangan pendidikan, pelaksanaan dasar-dasar pendidikan, kurikulum dan cabaran pendidikan masa kini seiring dengan Revolusi Perindustrian 4.0 dan Pembelajaran Abad Ke 21.

Agama Islam sangat menghargai ilmu pengetahuan dan menghormati orang yang memilikinya. Melalui ilmu pengetahuan, Allah SWT akan meninggikan darjat seseorang dan ianya menjadi salah satu asas untuk mendapatkan kemuliaan daripada Allah SWT. Diharapkan dengan penerbitan buku digital ini dapat menjadi satu wadah diskusi ilmiah bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap isu-isu kontemporari dalam bidang pendidikan masa kini. Semoga usaha ini akan menjadi amal jariah dan wakaf ilmu yang berkekalan dalam usaha memperkasakan aktiviti dakwah melalui jalan penyebaran ilmu.

Sekian, Salam hormat.

SAPIE BIN SABILAN

Dekan,  
Fakulti Pendidikan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor